

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG
(BAGAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.10.2016

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada defisit Belanjawan akan menurun memandangkan daya saing Malaysia turun tahun ini selepas jatuh 7 tangga ke kedudukan No. 25 dalam penilaian World Economic Forum, kutipan GST telah turun 30% sebanyak RM3.1 bilion daripada RM10.2 bilion 1Q 2016 kepada RM7.1 bilion 2Q 2016 yang menunjukkan pertumbuhan ekonomi sebanyak 4% tidak memberikan faedah kepada peniaga kecil. Adakah Kerajaan bersedia memansuhkan GST demi menyelamatkan ekonomi dan mengembalikan wang kepada warga makan gaji.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kerajaan kekal komited untuk melaksanakan langkah konsolidasi fiskal untuk memastikan paras defisit belanjawan sebagai peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) terus berkurang dan hutang Kerajaan Persekutuan kekal dibawah tahap 55% daripada KDNK. Langkah konsolidasi fiskal ini penting bagi memberi ruang dan fleksibiliti kepada Kerajaan untuk melaksanakan dasar fiskal dalam keadaan negara menghadapi persekutuan ekonomi dunia yang mencabar. Kedudukan fiskal yang lebih kukuh akan turut meningkatkan daya saing negara.

2. Bagi tahun 2016, Kerajaan mensasarkan paras defisit belanjawan pada 3.1% daripada KDNK manakala bagi tahun 2017, defisit belanjawan diunjur terus berkurang lagi. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, komitmen Kerajaan untuk melaksanakan konsolidasi fiskal telah diiktiraf oleh 3 agensi penarafan kredit berdaulat utama iaitu *Fitch Rating*, *Standard & Poor's* dan *Moody's* yang mana telah mengekalkan penarafan kredit Malaysia dalam kategori A.

3. Walaupun kutipan GST pada suku tahun kedua lebih rendah berbanding suku tahun pertama, kutipan tersebut dianggar akan meningkat pada separuh tahun kedua 2016. Ini berikutan

perbelanjaan penggunaan domestik dijangka menggalakkan pada separuh kedua tahun ini setelah mencatat pertumbuhan sebanyak 8% pada separuh pertama. Oleh itu, sasaran sebanyak **RM38.5 bilion** pada tahun ini dijangka dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua,

4. GST terbukti telah membantu negara apabila berjaya menampung sebahagian besar kesan pengurangan hasil Kerajaan berikutan harga minyak mentah dunia yang rendah. Lanjutan daripada itu, Kerajaan berupaya meneruskan pelaksanaan program sosial seperti kesihatan, pendidikan dan bantuan BR1M serta lain-lain program yang memberi manfaat langsung kepada rakyat terutamanya bagi membolehkan rakyat mencapai potensi diri sepenuhnya dan meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat.